



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 23 BILANGAN 11

RABU 15HB. MACH, 1978.

رابع 5 ربيع الاخير 1398

PERCHUMA



Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkihah ketika menyaksikan temasha lumba perahu pada hari Ahad lalu.

DYMM BERANGKAT MENYAKSIKAN TEMASHA LUMBA PERAHU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat berchemarduli menyaksikan Temasha Lumba Perahu di-Sungai Brunei pada hari Ahad lalu. Temasha tersebut diadakan bersempena memperingati keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei.

Sa-banyak 12 acara lumba perahu dan dua acara lumba motor sangkut telah di-pertandingkan dalam temasha yang diadakan sa-hari suntok itu.

Perahu "Bulan Purnama" maseh mengekalkan kejuaraan-nya dalam lumba perahu yang telah diadakan pada hari itu. Bulan Purnama yang di-anggotai oleh Pehin2 Timang-Timangan Begawan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Pegawai2 Hal Ehwal Ugama telah mengalahkan tujuh buah pasokan yang lain dalam acara 15 orang peyayoh yang terdiri dari orang2 kenamaan. Tempat kedua dalam acara itu di-menangi oleh pasokan Pegawai Daerah Brunei/Muara, Penghulu2 dan Ketua2 Kampung manakala pasokan Menteri2 Bertauliah dan Menteri2 Pendaraman mendapat tempat ketiga.

Dalam perlumbaan 30 orang terbuka, Peduka Raja dan Seri Paduka yang di-

punya oleh Haji Laidin dengan anak2 buah-nya masing2 mendapat tempat pertama dan ketiga. Tempat kedua dalam acara itu di-menangi oleh perahu Sindaun yang di-punya oleh

Lihat muka 12



Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menerima hadiah yang telah di-sampaikan oleh TYT Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J. A. Davidson.

Peluang ikuti kursus perguruan di-MPSHB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemohon2 ada-lah di-pelawa untuk mengikuti kursus Perguruan di-Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkihah. Kursus selama tiga tahun itu akan bermula dalam bulan Julai tahun ini.

Pemohon2 mesti-lah raa-yat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang mempunyai kelulusan sekurang2-nya empat mata-pelajaran Peringkat Biasa dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge / Singapore-Cambridge atau yang sa-banding dengan-nya. Keseluruhan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai kelulusan mata-pelajaran sains, hisab dan bahasa Inggeris.

Lain2 syarat untuk mengikuti kursus tersebut adalah seperti berikut:

* Maseh bujang dan tidak akan berkahwin samasa dalam lathahan,

* Pemohon2 akan di-pilih menerusi satu temuduga,

* Pemohon2 yang berjaya hendak-lah terlebih dahulu di-akui sehat oleh doktor,

* Sanggop bertugas di-sekolah2 yang di-atorkan oleh Jabatan Pelajaran.

* Sanggop berkhidmat dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sekurang2-nya sa-lama lima tahun sa-lepas lathahan di-maktab dan

* Pemohon2 yang berjaya atau penjamin mereka sanggop membayar balek perbelanjaan Kerajaan dengan se-penoh-nya jika ia di-berhentikan kerana melanggar syarat2 perjanjian yang di-tanda-tangani.

Pemohon2 yang berjaya akan di-tempatkan di-asrama tanpa di-kenakan apa2 bayaran di-samping mendapat kemudahan makan, minum dan lain2 kemudahan asrama.

Penuntut2 yang terpilih juga akan menerima alaan sara hidup sa-banyak \$210.00 bagi tahun pertama dan kedua dan alaan akan di-naikan kepada \$225.00 bagi tahun ketiga.

Borang2 permohonan sekarang ini boleh di-perolehi dari Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkihah, Gadong bila2 maktab itu di-buka. Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kepada Pengetua Maktab tersebut, beralamat Peti Surat 601, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 31hb Mach, 1978.

Sa-bilangan besar kemalangan berpuncha dari kechuaian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz berkata keseluruhan kemalangan yang berlaku pada tahun lalu itu ada-lah disebabkan kechuaian memandu terutama pemandu2 yang memandu terlalu laju dan tidak mengindahkan undang2 lalu-lintas.

Beruchap selaku Pengerusi Majlis Keselamatan yang bersidang buat pertama kali-nya pada hari Khamis lalu, Yang Berhormat berkata ramai pemandu2 telah memandu dengan chuai dan sa-bahagian besar-nya pula tidak mengindahkan undang2 dan peratoran2 lalu-lintas di-negeri ini.

"Kita mengakui bilangan kereta telah bertambah dan jalanraya2 baru tidak begitu banyak tambah-nya. Walau bagaimana pun angka kemalangan tahun 1977 yang berjumlah lebih 18,000 jenis kemalangan itu harus dapat di-elakkan kira-nya semua pemandu2 yang berkaitan mengamalkan tabiat memandu dengan chermat," tegas-nya.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, tambah-nya, telah menguntokkan satu jumlah wang yang sederhana untuk faedah2 perjalanan serta usaha Majlis Keselamatan Jalanraya.

"Dalam hal ini, saya penoh berharap dan perchaya pehak2 lain bukan Kerajaan, dari satu masa ka-satu masa tidak akan keberatan bagi menyumbangkan tenaga sokongan moral dan jika perlu sokongan kewangan.

"Biar-lah kita sa-bagai anggota masyarakat Negeri Brunei Darussalam ini akan sama2 berjinjing tangan pada mengatasi masalah2 ini demi untuk menyelamatkan anggota masyarakat kita sendiri — kerana masa-alah keselamatan jalanraya itu ada-lah masalah kita bersama," jelas-nya.

Terdahulu dari itu, Yang Berhormat itu menyatakan bagi pehak Majlis Keselamatan Jalanraya, menjunjung kasih kapada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkihah, atas kesudian Yang Teramat Mulia itu menjadi Penaong Majlis tersebut. Di-samping mengalu2kan dan tahniah kapada anggota majlis yang baru di-lantik serta merekodkan penghargaan kapada Jawatankuasa Keselamatan Jalanraya yang lalu kerana usaha2-nya mengurangkan kemalangan2.

Majlis Keselamatan Jalanraya yang bersidang pada hari itu telah di-dahului dengan bacaan do'a selamat dan membincangkan sa-chara umom mengenai masalah keselamatan dan lalu-lintas jalanraya.

Lebih 2,000 orang sertai perarakan di-Muara

MUARA. — Lebih dari 2,000 orang dari 34 buah pasokan yang mewakili sekolah2 persatuan2 belia dan kebajikan, kampung2 dan lain2 telah mengambil bahagian dalam perarakan Maulud di-Pekan Muara pada hari Jumaat minggu lalu. Sambutan itu di-anjorkan oleh Jawatankuasa Maulud Mukim Muara.

Peserta2 pada mula-nya berkumpul di-Padang Sekolah Melayu SUAS di-mana mereka mendengar bacaan Al-Koran yang di-sampaikan oleh Johan Qari An-

tarabangsa, Awg Haji Mashud bin Haji Awang Damit.

Ini telah di-ikuti oleh ucha-pan2 Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin dan Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Hamid bin Ismail.

Speaker Dewan Majlis, YAM Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar telah hadir dan menyertai perarakan kira2 dua batu itu.

Perarakan tersebut telah di-dahului oleh pasokan pancharam Askar Melayu Diraja Brunei.



Pelita Brunei

DI TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

15HB. MACH, 1978.

Masaalah keselamatan jalanraya

S A-PANJANG tahun 1977 yang lalu, lebih 18,000 jenis kemalangan jalanraya telah di-rekodkan, angka ini menunjukkan kepada kita betapa bertambahnya bilangan kemalangan2 jalanraya di-negeri ini berbanding dengan tahun2 yang sudah. Sungguh pun kemalangan2 sa-umpama itu tidak dapat di-elakkan akan tetapi apa yang menjadi perhatian atau menjadi masaalah yang ada di-hadapan kita sekarang ini ialah sekurang2-nya untuk mengurangkan angka2 kemalangan jalanraya yang melibatkan korban harta-benda dan nyawa masyarakat kita di-negeri ini sendiri. Dan tidak ada orang yang sanggup mengorbankan harta-benda lebih2 lagi nyawanya dalam kemalangan2 jalanraya sa-umpama ini — itu semua-nya sudah-lah menjadi suratan atau takdir masing2; dalam pada itu usaha2 bagi mengelakkan-nya harus di-ikhtirakan.

Salah satu usaha dan ikhtiar Kerajaan DYMM pada mengatasi dan mengurangkan kemalangan2 jalanraya sa-lama ini ialah sentiasa meneliti undang2 dan peraturan2 keselamatan jalanraya, dari satu masa ka-satu masa di-samping menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan jalanraya semata2 pada mengurangkan kemalangan2 yang semakin bertambah di-jalanraya2. Mengadakan beberapa batang jalanraya, membaiki serta membesarkan-nya juga ada-lah di-hasratkan untuk mengelakkan kemalangan sa-umpama itu. Pendek kata, beberapa usaha telah, sedang dan akan di-jalankan oleh pihak2 yang berkenaan pada mengatasi atau sekurang2-nya mengurangkan kemalangan2 jalanraya itu sa-lama ini.

Berikutan dengan usaha2 pada mengatasi atau mengurangkan kemalangan2 jalanraya itu, baru2 ini sa-buah badan telah di-tubuhkan ia-itu "Majlis Keselamatan Jalanraya" yang telah mengadakan sidang-nya yang pertama minggu lalu. Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz yang juga sa-laku Pengerusi Majlis tersebut dalam ucapan alu2an-nya di-persidangan majlis itu antara lain menyebutkan pengharapan-nya kepada Jawatankuasa Keselamatan Jalanraya yang lalu itu telah menjalankan beberapa usaha; mengadakan beberapa projek yang mendapat sambutan orang ramai serta mempercepatkan penubuhan Majlis Keselamatan Jalanraya yang ada sekarang ini. Di-samping itu juga Yang Berhormat dan atas nama Majlis Keselamatan Jalanraya juga menjunjung kaseh atas kesudian YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiyah, sa-bagai Penaong Majlis tersebut.

Untuk faedah2 perjalanan serta usaha Majlis Keselamatan Jalanraya itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah menguntukkan satu jumlah wang yang sederhana. Dalam hal ini, YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya juga penoh berchaya bahawa pihak2 lain yang bukan Kerajaan tidak akan ke-beratan bagi menyumbangkan tenaga, sokongan moral dan jika perlu mata-benda (wang) untuk men-jayakan chita2 yang berkebaikan ini — kerana masa-lah keselamatan jalanraya ada-lah masaalah kita bersama.

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah memberikan satu kemudahan pinjaman wang kepada peniaga2 kecil dan sederhana. Skim yang di-mulakan dalam bulan September tahun lalu itu ia-lah bertujuan untuk membantu peniaga2 bumiputera yang berkecimpung dalam kegiatan2 ekonomi yang berhasil (prodak-tib) dan hidup maju, akan tetapi bukan-lah merupakan kegiatan yang di-larang oleh apa juga undang2.

Jumlah had maxima pinjaman yang di-buat dengan bersandarkan kepada jami-nan2 yang di-terima ada-lah sa-banyak \$250,000.00 dan jaminan2 yang di-terima harus-lah apa jua harta yang boleh di-terima seperti amalan perusahaan bank.

Huraian mengenai skim pinjaman itu telah kami siarkan melalui akhbar ini keluaran 14hb September, 1977.

Oleh kerana banyak per-tanyaan2 dari orang ramai mengenai dengan skim tersebut, di-sini kami siarkan butir2 yang terkandung dalam borang permohonan yang harus di-isikan apabila membuat permohonan untuk mendapatkan pinjaman tersebut.

1. PEMOHON

A) Perseorangan

- Nama dan Alamat
- Umur
- Nombor Kad Pengenalan dan Warna-nya
- Kebangsaan
- Pekerjaan (samada bekerja penoh masa dalam perusahaan atau perniagaan atau bekerja dengan kerajaan).

B) Perkongsian

- Nama2 Rakan Perkongsian
- Umur Rakan2
- Nombor dan warna kad pengenalan
- Kebangsaan
- Pekerjaan2

C) Sharikat Berhad

- Nama Sharikat
- Alamat Sharikat
- Pemegang2 Saham dan Banyak Saham
- Nama2 Pengarah
- Modal di-jelaskan (Paid-up Capital)

DARI BILEK GERAKAN

Siri ke-enam

- Pengakuan Pengarah yang semua pemegang2 Saham adalah Melayu
 - Ada-kah sharikat ini satu chawangan dari sharikat lain nyata-kan.
- D) Sharikat Kerjasama
- Nama Sharikat
 - Alamat
 - Ahli Jawatankuasa dan Pekerjaan
 - Pengakuan oleh Pendaftaran Sharikat2 kerjasama yang kebanyakannya ahli2-nya ada-lah orang2 Melayu
 - Jenis Sharikat Kerjasama.

E) Persatuan

- Nama Persatuan
- Alamat Persatuan
- Ahli2 Jawatankuasa dan Pekerjaan
- Kegiatan Ekonomi
- Pengakuan Pendaftaran Persatuan yang kebanyakannya ahli2 Persatuan ini ia-lah Melayu.

2. PINJAMAN

- Jumlah Pinjaman di-pohonkan
- Tujuan Pinjaman
- Chadangan Pengambilan Pinjaman
- Chadangan Bayaran Balek Pinjaman
- Jaminan2

3. PERUSAHAAN

- Nyatakan dengan jelas jenis perusahaan yang di-jalankan dengan menggunakan wang pinjaman ini.
- Pengurus dan Pengalaman-nya.
- Nyatakan jangka lama perjalanan perusahaan ini dan chara2 mebiayai-nya seperti pinjaman dan wang pemohon.

iv) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi perusahaan ini dan chara2 mebiayai-nya seperti pinjaman dan wang pemohon.

4. **Kenyataan Kewangan**

- Jika perusahaan ini telah berjalan serta-kan kenyataan perniagaan atau Akaun Untong Rugi dan kunchi kira2 yang di-sahkan oleh orang yang bertanggung jawab.

5. BANK

- Nama Bank Pemohon.

6. LAIN2 MAKLUMAT

- Nyatakan lain2 maklumat yang dapat menyokong permohonan ini.
- Lembaga mungkin akan menghendaki maklumat lain bagi mendapatkan penjelasan2 perlu.

Semoga dengan ada-nya sedikit panduan yang di-buatkan dalam ruangan dari bilek gerakan ini akan dapat sedikit membantu kepada peniaga2

kecil dan sederhana yang berminat mendapatkan pinjaman dari Skim tersebut apabila telah di-fikir2kan logik bagi mendapatkan pinjaman tersebut.

Kita berasa bangga bahawa dalam Skim pinjaman tersebut ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan telah memberikan keutamaan kepada orang Melayu dan bumiputera di-negeri ini. Maka jelas-lah bagi kita bahawa Kerajaan kita masa ini telah mengambil perhatian berat terhadap ekonomi orang2 Melayu di-negeri ini semoga dengan kejujuran dan ikhlas Kerajaan membukakan jalan ini akan di-sambut bak oleh rakyat tegas-nya orang Melayu bumiputera negeri lebih2 lagi kejujuran dan keikhlasan itu berlipat ganda akan di-berikan kepada Kerajaan, kerana dengan kejujuran dan keikhlasan serta amanah dari hati sa-seorang peminjam itu-lah sahaja rancangan Skim Pinjaman ini akan dapat berjalan dengan baik dan teratur.



GAMBAR atas menunjukkan peladang2 Kampong Tanah Jambu menyanak tunjokchara menanam pokok buah2an yang di-kendalikan oleh Bahagian Pengembangan Pertanian di-ladang2 Dayang Sadih bte Jakaria, Awang Sahip bin Asar dan Awang Haji Karim bin Akim.

Tunjokchara ini di-jalankan ada-lah merupakan satu pengajaran kepada petani2 untuk lebih memahami lagi chara2 bertanam pokok buah2an sa-chara yang lebih teratur menurut garis2 yang di-shorkan oleh Jabatan Pertanian.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 9hb Mach, 1978.

BANDAR SERI BEGAWAN

- PUSU KERING — \$4.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
Leong Soon Huat,
No. 1, Jalan McArthur.
- SAYOR KINCHAM — \$2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
Hen Long,
No. 31, Jalan Sultan.
- GARAM HALUS (Chap Basketball) — 50 sen sa-kotak boleh di-beli dari kedai berikut: —

A. Muthian,
No. 9, Jalan McArthur.

KUALA BELAIT

- PUSU KERING — \$5.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
a) Yick Yuan,
No. 3, Jalan Pretty.
b) Eng Soon Seng,
No. 58, Jalan Pretty.
c) Chop Haw Min,
No. B, Bangunan Dewan Perdagangan China.
- SAYOR KINCHAM — \$2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
Teo Hing Hng,
No. 45, Jalan Pretty.

3. GARAM HALUS (Chap Basketball) — 50 sen sa-kotak boleh di-beli di-kedai2 berikut: —

- Yick Yuen,
No. 3, Jalan Pretty.
- Tan Boon Heng & Sons,
No. 33, Jalan Pretty.
- Kok Kee,
No. 60, Jalan Pretty.
- Chop Tai Teng,
Lot 2240, Jalan Bunga Rambai.

SERIA

- PUSU KERING — \$4.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
Haji C. A. Mohammed & Sons,
No. 51, Jalan Bunga Kuning.

- SAYOR KINCHAM — \$2.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
Chop Yick Hoe,
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali,

- GARAM HALUS (Chap Basketball) — 50 sen sa-kotak boleh di-beli dari kedai berikut: —
Chop Kim Huat,
No. 53, Jalan Bunga Kuning,
Seria.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 20hb. hingga 23hb. Mach, 1978

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Berakas English School (Bahagian Rendah)	20.3.1978	Isnin	2.00— 3.00 petang
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	20.3.1978	Isnin	3.30— 5.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	21.3.1978	Selasa	8.30— 9.30 pagi
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak	21.3.1978	Selasa	10.30—11.30 "
Sekolah Melayu Dato Gandhi	22.3.1978	Rabu	8.30— 9.30 "
Sekolah Melayu Serasa	22.3.1978	Rabu	10.00—10.30 "
Sekolah Melayu Mentiri	22.3.1978	Rabu	10.45—11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	22.3.1978	Rabu	11.30—12.00 T/hari
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa	23.3.1978	Khamis	3.15— 4.15 petang
Kawasan Rumah Ketua Kampong Mesjid Lama, Muara	23.3.1978	Khamis	4.30— 5.30 "



Y. B. Pengiran Bahrin bin Pg Haji Abas.

Undang2 Penjara baru membuat syarat2 yang lebih baik — Peguam Negara

YANG Berhormat Peguam Negara Brunei, Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas ketika mengemukakan Rang Undang2 Penjara (Pindaan) 1977 menyatakan bahawa undang2 tersebut adalah semata2 untuk membuat syarat2 yang lebih baik lagi dalam undang2 berhubung dengan penjara2 dan tempat2 kurungan (lock-ups) dan syarat2 perkhidmatan serta penchen2 bagi Pegawai2 Penjara.



Menurut-nya lagi bahwa Rang2 Undang2 Penjara (Pindaan) 1977 ini ialah untuk membaharui undang2 yang berkaitan dengan penjara2 dan tempat2 kurungan serta syarat2 perkhidmatan Pegawai2 Penjara. Undang2 ini juga

BANDAR SERI BEGAWAN.—Penggunaan kemudahan2 yang telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, nampaknya, ada jua penduduk2 yang tinggal di-Kampung Ayer itu tidak begitu pandai menggunakan dengan sepatutnya seperti menaruh kayu2 di-tepi2 jambatan sa-hingga menghalang kepada orang2 yang lalu-lalang di-jambatan2 itu.

KEMUDAHAN

Bagaimana pun, di-Kampung Limbongan memerlukan tambahan jembatan di dua buah tempat yang dianggarkan lebih dari 100 kaki, supaya kerja2 penyelenggaraan-nya akan dapat di-segerakan bagi kemudahan penduduk2 di-kampung itu dan yang berada disekitar-nya, khas-nya orang awam.

Ini telah di-nyatakan oleh Y.B. Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid kepada Pelita Brunei minggu ini. Beliau sa-laku ketua rombongan mengandongi lima orang Ahli2 Yang Berhormat yang telah mengadakan lawatan ka-lima buah Kampong Ayer baru2 ini, mengharapkan kepada pehak yang berkuasa supaya kerja2 mem-baiki jambatan2 yang ham-pir 60 peratus daripada-nya yang sudah rosak atau ti-dak boleh di-gunakan.

ROSAK

"Kerja2 memperbaiki jembatan2 yang rosak itu hendaklah di-segerakan kerana di-takuti jika jembatan2 itu roboh, ia-nya akan melibatkan kerosakan paip2 ayer dan kebal2 talipon yang di-tetakkan di-bawah jembatan2 itu," jelas-nya.

Perkara lain yang patut di-ambl perhatian, tambah beliau, ia-lah pagar2 jambatan terutama sekali jambatan2 yang menyeberangi sungai di-mana sahaja patut-lah di-pagar di-kuadua2 belah (kiri dan kanan) bagi mengelakkan kejadian yang tidak di-ingini seperti kanak2 lemas, ke-

rana kejadian sa-umpama ini pernah berlaku di-Kampung Sungai Kedayan 'A' sedikit masa dahulu.

Mengenai kawasan Sekolah Kampung Sungai Kedayan 'A' dan 'B', nampaknya terlampaui sempit sa-hingga tidak ada tempat kawasan permainan untuk murid2 bermain bagi meriadahkan badan2 mereka. Perkara ini patut-lah di-ikhtharkan dengan secepatnya segera bagaimana cara2 mengatasi-nya, tegas beliau.

Perkara pembangunan tiang2
letrik telah juga di-sentuh ia-
itu kira2 lima tiang yang ber-
hadapan dengan Sekolah Me-
layu Sungai Kedayan 'B'. Per-
kara tersebut patut-lah juga
diambil perhatian oleh pihak
yang berkenaan bagi menyele-
saikan masalah yang di-hadapi
di-tempat itu, ujar-nya lagi.

Menurut Yang Berhormat
itu, sa-panjung lawatan mereka
ka-lima buah kampung ayer, ia
itu Kampung2 Sungai Kedayan
'A' dan 'B', Bukit Salat,
Limongan dan Ujong Bukit
itu, amat mendapat kerjasama
dari ketua2 kampung masing2
pada menghadapi masaalah
yang di-timbulkan oleh anak2
buah kampung mereka.

FAEDAH RAAYAT

Mereka itu bershukor atas limpah kornia Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas kemudahan2 yang telah, sedang dan akan di-sediakan semata2 demi faedah raayat di-kampong2 tersebut.

Yang Berhormat itu menyaran kan lagi, memandang kepada kesibokan dan kesesakan pesakit luar yang datang ka Hospital Umum Bandar Seri Begawan untuk mendapatkan rawatan sakit2 ringan seperti selesema, batuk dan sa-bagai-nya dan memandang kepada kesesakan lalu-lintas dan penarahan kereta di-sekitar Hospital tersebut, maka ad-alah wajar se-kira-nya sa-buah kelink akan dapat di-adakan di-kam-pung2 tersebut dengan demikian akan dapat mengurangkan kesesakan dan kesibokan yang terdapat di-Hospital Umum sekarang ini.

TAMBAH PEGAWAI

Sekira-nya kelinik di-kampong2 tersebut di-adakan, ia-nya sudah tentu menghendaki pegawai dan kakitangan2—hal ini tentu akan mendatangkan masalah kepada pihak Jabatan Perubatan dan kesihatan. Oleh yang demikian, Jabatan tersebut patut-hal menambah pengambilan pegawai2-nya, terutama sekali Jururawat2 dan Pembantu2 Rumah Sakit untok di-tempatkan di-kelinik2 bukan sahaja di-kampong tersebut bahkan juga di-kampong2



Y.B. Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid.

lain yang menghendaki rawatan2 sa-demikian, tegas Yang Berhormat itu lagi.

Mengenai Pondok Talipon, patut-lah juga di-adakan dikampong2 tersebut untuk menalipon Bomba, Pulis dan Ke-reta Rumah Sakit dan sa-bagai-nya, walaupun pondok yang di-maksudkan pernah di-adakan di-tempat2 lain yang berakhir dengan kerosakan2 disebabkan perbuatan2 nakal. Bagaimana pun, hal tersebut tentu-lah dapat di-atasi sekira-nya biala2 di-kampong2 tersebut akan dapat mengadakan kawalan bergilir2 pada waktu malam sahaja dan pada waktu siang penduduk2 ini boleh menggunakan talipon di-rumah2 jiran bagi urusan2 sa-demi-kan.

MEMUASKAN

Lain2 perkara dalam lawatan Ahli2 Yang Berhormat kakampong2 tersebut, kata Yang Berhormat Awang Abdul Latif, nampak-nya memuaskan kerana berkat kegigihan dan ketekunan usaha2 yang di-jalakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada menyediakan segala kemudahan2 serta kesenangan2 kepada rakyat Baginda dan penduduk2 di-negeri ini.

Pelita Brunei di-fahamkan bahawa rombongan lawatan Ahli2 Yang Berhormat ka-Kampong2 Ayer; ia-itu Kampong2 Setia Baru, Sungai Kebun, Saba Darat 'A', Saba Darat 'B', Saba Tengah, Saba Laut dan Saba Ujong di-adakan pada hari ini mulai jam 9.00 pagi. Lawatan yang sama juga akan di-adakan ka-Kuala Belait pada 23hb Mach ini yang akan di-ketuai oleh Pengerin Speaker, Yang Amat Mulia Pengerin Jaya Negara Pengerin Haji Abu Bakar bin Pengerin Omar.

chuba untok memberikan
sharat2 yang lebih baik
dan berperinchian bagi
menchapai tujuan2 di-mak-
sudkan.

Fasal 2 dari Undang2 tersebut memberikan tafsiran bagi berbagai istilah yang di-gunakan di-dalam Rang Undang2 itu, iaitu satu pentadbiran yang bersesuaian ada-lah di-kehendakki dan untuk ini fasal 8 pula memberikan kuasa kepada Pegawai Penjara dan tertaklok kepada perintah Menteri Besar.

Lantekan sa-orang Peng-
uasa Penjara dan Pegawai2
Penjara pada umom-nya,
kuasa2, tugas2 dan sharat2
perkhidmatan pegawai2 itu
ada di-nyatakan di-Baha-
gian III (Fasal2 10 hingga
27).

Bahagian2 IV dan V dari Rang Undang2 itu (Fasal2 28 hingga 54) adalah berhubung dengan penjara, pemindahan, rawatan,

pekerjaan dan tata-tertib
banduan2.

Tata-tertib Pegawai2
Penjara dan hukuman bagi
sa-barang pelanggaran ter-
hadap-nya ada di-persha-
ratkan dalam Bahagian VI
(Fasal2 55 hingga 59).

Bagi memastikan hal kesejahteraan banduan², peruntokan telah di-buat dalam fasal 60 bagi lantekan sa-buah Lembaga Pelawat oleh Menteri Besar.

Fasal 62 pula memberi kuasa kepada Sultan dalam Majlis Mashuarat untuk membuat atoran2 yang di-fikirkan Baginda perlu bagi melaksanakan tujuan Rang Undang2 itu. Oleh kerana Undang2 Penjara yang ada sekarang (Penggalt 55) di-fikirkan tidak lagi perlu maka fasal 63 memansuhkan Undang2 itu dan membuat syarat peralihan yang tertentu.

Setelah asas Rang Undang2 tersebut di-bahaskan serta di-timbangkan dalam Mashuarat Jawatankuasa, maka Rang Undang2 tersebut telah di-luluskan dengan sa-bulat suara tanpa tentangan.



Rombongan Ahli2 Yang Berhormat yang di-ketuai oleh Yang Berhormat Awang Abdul Latif melawat ka-lima buah Kampong Ayer. Manakala gambar bawah rombongan Ahli2 Yang Berhormat melawat ka-Daerah Temburong yang di-ketuai oleh Pengiran Speaker, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar.





DYTM Paduka Seri Begawan Sultan, nearest the camera, taking part in one of the events.

BRSC holds first meeting

BANDAR SERI BEGAWAN.—The newly formed Brunei Road Safety Council held its first meeting at the conference room of the State Secretariat here last Thursday.

The meeting was chaired by the State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz and attended by eighteen other members representing government departments, associations and business organisations.

Addressing the meeting, the State Secretary said the purpose of setting up

the council was to prevent road accidents in all aspects.

He pointed out that the accidents which occurred last year were due to the carelessness of drivers especially those who drove at high speed and ignored traffic regulations.

Pehin Dato Aziz said even though the number of vehicles increased last year it was believed that the accidents could have been

prevented if road users drove with care.

He also disclosed during the meeting that Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah has consented to become patron of the council.

The meeting elected eight committee members and discussed various aspects of road safety.

SPORTING VIPS

BANDAR SERI BEGAWAN.—Hundreds of people including His Highness the Sultan, the British High Commissioner Mr. James Davidson, the Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir and other members of the Royal Family watched a sports meeting of VIPs on the Town Padang here last week.

The highlight of the meeting, organised to commemorate Queen Elizabeth's visit to Brunei in 1972, was a tug-of-war contest in which the Sultan, the High Commissioner and the Seri Begawan Sultan took part. The Sultan's team won in the event.

Other events included a slow motion bicycle race, a sack race, an obstacle race, a big walk and a bursting of the balloons match.

The overall winners of the meeting were the Mentri Bertauliah.

Other teams participating were those of the Wazirs and Dheterias, Pehin Mentris, the Penghulus and Kampong Ketuas.

The British High Commissioner presented prizes to the winners.



The Mentri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, nearest the camera, steadying himself in the slow motion bicycle races.

Teaching course to start in July

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Education Department is inviting application from citizens of His Highness the Sultan for a three-year teaching course at the Sultan Hassanal Bolkiah Teachers College from July this year to June 1981.

The intending applicants must have passed in at least four relevant subjects preferably Science, Mathematics and English in the Brunei Cambridge GCE or Cambridge GCE 'O' level or its equivalent.

They must be single and certified by doctors as physically and mentally fit.

Successful applicants will be provided with free food and lodging as well as other

facilities at the hostel.

Each will receive a monthly allowance of \$210.00 during the first and second year, and \$225.00 in the third and final year.

In the event that the student is dismissed during the course of training for being guilty of a misconduct or negligence or withdrawing from the course without the prior consent of the Government, the student or the guarantor will reimburse the Government in full.

After having successfully completed the course, they must serve the Government for a period of at least five years and be prepared to teach in any primary or secondary schools selected by the Education Department.

Applications should be made on prescribed forms available from the Principal's Office at the college.

The forms must be returned to the Principal, Sultan Hassanal Bolkiah Teachers College, P. O. Box 601, Bandar Seri Begawan not later than March 31.

Water rationing

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Public Works Department has once again introduced water rationing in the Brunei/Muara and Tutong districts.

Water supplies will now be turned on between 5.00 a.m. to 9.00 a.m. and 3.00 p.m. to 8.00 p.m.

A PWD spokesman said rationing had to be imposed because the pumps at the Layong Works could not cope with the heavy demands being made during the current dry spell.

The spokesman appealed to the public not to waste or store water unnecessarily.

The department imposed similar rationing late last year.



Muara celebrates Prophet's birthday

PEKAN MUARA.—More than two thousands people representing thirty-four teams from schools, youth and welfare associations, villages and other organisations took part in a procession here last Friday morning to celebrate the birthday of the Prophet Muhammad.

birthday

The procession was preceded by a rally on the SUAS Malay School padang where Brunei's International Koran Reading Champion, Awang Haji Mashud bin Awang Haji Damit gave a Koran reading presentation.

This was followed by speeches by the State Religious Affairs Officer, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin and the Brunei Muara Assistant District Officer, Awang Hamid bin Ismail.

The Speaker of the Dewan Majlis, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar was guest of honour at the celebration.

The procession was led by the band of the Royal Brunei Malay Regiment.

Thirty-nine male recruits of the Royal Brunei Police Force passed out at a parade held at the Police Training Centre, Jalan Muara last week.


Some two hundred other members of the force and the band took part in the parade which was inspected by the Controller of Immigration and Registrar of Nationals, Awang

Haji Mohammad Ali bin Haji Mohammad Daud (below).

Awang Haji Mohammad Ali also presented prizes and certificates to the best recruits.

The recruits had just completed a six-month intensive training in all aspects of police duties.

The parade was attended by officers, men and women of the force and families of the recruits.



Off to the Philippines

BANDAR SERI BEGAWAN.—A group of Brunei businessmen led by Dato Ong Kim Kee and Awang Hapidz Laksamana made a four-day visit to the Philippines last week.

The businessmen representing the various chambers of commerce in the State were guests of the Philippines Chamber of Commerce.

They were also scheduled to meet members of the Filipino Chinese Chamber of Commerce and call on the Mayor of Manila and the Secretary of

Trades.

The Chairman of the Economic Development Board, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, in a message to the mission said the board hoped to see local businessmen expanding their trade.

He spoke about joint business ventures between Brunei and the Philippines and expressed the hope that Filipino investors would not hesitate to help their Brunei counterparts in setting up business or industry in the State.

PERI hidup kita ini mengandung dua jenis kehidupan, ia-itu jasmani dan rohani. Kedua-duanya di-pelihara dan di-perseimbangkan. Sa-bagaimana kita berusaha melateh sifat yang lahir supaya ter-ator, chantek dan menarek, maka demikian pula latehan itu harus di-lakukan terhadap sifat2 bathin, supaya dengan itu baru-lah dapat di-harapkan mun-chol-nya manusia yang sempurna. Al-Imam Al-Ghazali menamakan diri yang demikian itu sa-bagai

الانسان الكامل (manusia sempurna, utama dan di-redhai Allah).

Apabila dua sifat lahir dan bathin ini tidak seimbang, akan kechewa-lah kita padah-nya. Chontoh-nya ramai orang2 yang mempunyai tanda2 terpuji pada lahir-nya, memileiki gerak geri yang manis, tetapi di-

JUJOR DAN IKHLAS KUNCHI KEJAYAAN DAN KEMENANGAN

KHUTBAH JUMAAT



dasar bathin-nya tersembunyi hempedu yang pahit.

Gerak geri dan tingkah laku yang baik boleh di-bawa oleh pengetahuan dan keinginan

melakukan-nya, tetapi sifat2 bathin yang menentukan baik atau burok sa-suatu itu adalah berpuncha dari niat. Tegas-nya niat itu-lah menjadi tujuan terakhir dari perbuatan yang kita lakukan. Kerana itu jangan-lah kita hairan jika melihat sa-suatu usaha yang gagal pada hal ia dikerjakan oleh orang yang ahli, sebab tidak mustahil orang yang ahli itu belum mempunyai niat yang baik, jujur dan ikhlas. Se-balek-nya sedikit usaha yang di-lakukan oleh orang yang sederhana itu kadang2 membawa menafa'at yang banyak, sebab ia di-lakukan dengan niat jujur lagi ikhlas.

Demikian-lah, jujur dan ikhlas itu ada-lah kunchi kejayaan dan kemenangan. Mungkin ia tidak di-perolehi dengan terlalu chepat, tetapi perchaya-lah, yang baik itu pasti akan kelihatan, atau setidak2-nya dapat di-rasakan kesan-nya. Kata orang cherdek pandai: "Kemenangan atau kejayaan itu memang biasa-nya datang terlambat." Maksud dari kata2 ini, jika ia tidak di-chapai di-atas dunia, ganjaran pahala menunggu di-akhirat. Sesungguh-nya Allah itu tidak akan melupakan janji-Nya.

Mari-lah kita sama2 bertekad dengan hati dan semangat sa-orang Muslim yang 'kamil' yang sempurna, baha-wa kita hidup, bekerja dan membangun adalah bermodelkan kejujuran, kerana hanya dengan kejujuran dan niat kerana Allah sahaja, yang kita per-chaya akan dapat menyelamatkan negeri, masharakat dan pen-dek-nya apa sahaja yang berharga dalam hidup ini, termasuk mempertahankan kedaulatan raja, tanah ayer, bangsa dan ugama.



Gambar atas menunjukkan Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah, Timbalan Kadzi Besar Brunei sedang menerima alat pembesar suara yang di-hadiahkan dan di-sampaikan oleh Orang Kaya Laila Negara Awang Haji Tuah bin Orang Kaya Setia Bakti Haji Muhammad untuk masjid Kampong Masin pada 2hb Mach yang lalu.—Gambar JHEU.

Akal menguasai dan memimpin tindak tandok manusia

ALLAH s.w.t. menchiptakan semua makhluk yang bernyawa; sama ada manusia, jin dan haiwan (binatang), masing2 mempunyai keinginan dan hawa nafsu yang tersendiri. Mujor-lah manusia itu Allah tinggikan darjat-nya dari haiwan dengan di-kornia-kan-Nya 'akal' yang sangat unik sifat-nya dan sangat besar nilai-nya; akal-lah yang menimbangkan baik burok sa-suatu itu agar manusia tidak menjadi mangsa hawa nafsu-nya sendiri. Jadi akal-lah yang berkuasa pada segala tindak tandok manusia itu; memimpin dan mengendalikan hidup-nya pada perkara2 yang bermana-fa'at dan di-redhai oleh Allah s.w.t.

Di-samping akal berkuasa melalui daya pemikiran atau mentaliti sa-seorang, akal juga meng-ujudkan sifat malu; malu untuk melakukan larangan2 Allah; malu untuk melakukan perangai2 keji dan burok; malu untuk melakukan pelanggaran terhadap peraturan2 hidup atau undang2 negeri dan sa-um-pama-nya.

Pendek kata orang tidak bersifat malu itu tidak beriman. Kerana malu itu berhubung rapat dengan iman. Sa-bagaimana hal ini pernah di-sabdakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sa-buah hadith-nya yang di-riwayatkan oleh Al-Hakim yang bermaksud kira2:

"Malu dan iman ada-lah merupakan satu rumpun. Apabila terangkat (rumpun) yang satu, maka runtuh pula-lah yang lain."

Maka sungguh malang, jika mentaliti (akal) yang sangat bernilai korniaan Allah itu tidak di-gunakan dengan sebaik2-nya dan sifat malu sudah tidak ada; akhir-nya akal jadi lemah dan kalah di-perangi oleh

Bingkisan minggu ini

taraf binatang. Dalam konteks ini chuba kita perhatikan pula hadith Rasulullah s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Ibnu Majah dari Ibnu Umar yang membentangkan proses kehancuran berthabit dengan melungsur-nya sifat malu dari kehidupan manusia, yang bermaksud kira2 seperti berikut:

"Apabila Tuhan hendak membinasakan sa-seorang hamba, maka di-tanggal-kan-Nya (di-hilangkan-Nya) dari hamba tersebut sifat malu. Jika sifat malu sudah tanggal, maka yang tinggal ia-lah sifat benchi memberchi, maka tanggal pula sifat amanah. Kalau sifat amanah sudah tanggal, maka yang tinggal ia-lah sifat khianat mengkhianati, maka tanggal pula-lah daripada-nya rahmat (kornia) Allah. Jika rahmat Allah sudah tanggal, maka yang tinggal hanya-lah laknat. Kalau yang tinggal hanya laknat saja, maka runtuh-lah sama sekali asas2 keislaman."

Bila ini telah terjadi, status kemanusiaan itu dengan sendiri-nya akan tanggal atau melungsur dari manusia-nya — sa-arah dengan binatang (binatang bertopongan manusia), atau lebeh rendah lagi dari

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 15hb Mach 1978 hingga kahari Selasa 21hb Mach, 1978 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari					
	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak Suboh Terbit
15hb Mach	12.35	3.54	6.37	7.48	4.58	5.12 6.27
16hb Mach	12.33	3.52	6.36	7.47	4.56	5.10 6.25
17hb Mach	12.33	3.52	6.36	7.47	4.56	5.10 6.25
18hb Mach	12.33	3.52	6.36	7.47	4.56	5.10 6.25
19hb Mach	12.33	3.52	6.36	7.47	4.56	5.10 6.25
20hb Mach	12.33	3.52	6.36	7.47	4.56	5.10 6.25
21hb Mach	12.32	3.50	6.35	7.46	4.54	5.09 6.23

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



Mohd Jawa Marny

Dayang Noorhayati

Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Sa-orang anggota Askar Melayu Diraja Brunei Awang Jiwa bin Nyawa, 26 tahun, dari keturunan Puak Dusun telah memelok ugama Islam pada hari Sabtu, 4hb Mach dalam satu majlis pengIslam-an yang berlangsung di-Bar-rack Block 12, Berakas Kem.

Ketika melafadzkan ikrar Islam-nya Awg Jiwa menukar nama-nya sa-bagai Mohd. Jawa Marny bin Abdullah. Mohd. Jawa Marny menjalan peng-Islaman-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Matserudin.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Col Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud Pegawai Pemerintah Batal-ion Pertama dan Yang Mulia Dato Paduka (Begawan Mudim) Haji Adnan Pegawai Hal Ehwal Ugama AMDB dan pegawai2

AMDB yang lain serta beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah hadir di-upa-chara tersebut.

Pada 2hb Mach yang lalu bertempat di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri, berlangsung satu majlis peng-Islaman ka-atas sa-orang wanita Tiong Hwa Teo Guek Seng, 30 tahun, yang berasal dari Kampong Luagan, Batu Apoi, Temburong. Beliau kini dikenali sa-bagai Noorhayati bte Abdullah.

PengIslam-an-nya juga telah di-sempurnakan oleh Yang Dimuliakan POK Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail.

Sementara itu sa-orang perempuan berketurunan Iban berasal dari Lubok Antu, Simanggang, Sarawak, telah memelok ugama Islam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri pada 8hb Mach.

Saudara baru itu ia-lah Tia anak Gayuk, 31 tahun, dan kini di-kenali sa-bagai Dayang Fatimah bte Abdullah. Beliau menjalan pengIslam-an-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Matserudin dengan di-saksikan oleh beberapa orang pegawai di-jabatan tersebut.



Ak Azahari — pernah mewakili Maktab SOAS (Junior) ka-Pertandingan antara sekolah2 dan maktab2 seluruh negeri dan berjaya menyangkang johan bahagian lagu2 Asli dalam tahun 1975.



Othman Paun, penyanyi veteran dari Kuala Belait. Beliau menyangkang johan Talenime sa-banyak tiga kali ia itu dalam tahun 1960, 1965 dan 1968.



Ak Yunus Pg Haji Ahmad, pernah menyangkang naib-johan Bintang Radio seluruh negeri dan juara bahagian pasangan suara dalam pertandingan MUTIKA 1977.



M. Noordin, pernah menyangkang gelaran Johan Bintang Radio Seluruh Negeri dalam tahun 1963.



Suhaili Haji Moktar, menyanyi sejak di-bangku sekolah. Di-samping menyanyi beliau juga sa-orang pemain drum dalam gitar.



Haslinda Mohd Taib, johan bintang kecil dalam tahun 1971 dan johan nyanyian bahagian sekolah2 rendah seluruh negeri.

MUTIKA 1978: Sembilan peserta akan bertanding merebut juara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sembilan orang peserta akan beradu nasib untuk merebut juara MUTIKA 1978 yang akan berlangsung pada 19hb Mach.

Mereka itu ia-lah peserta2 yang telah berjaya melayakkan diri dalam beberapa siri pertandingan awal yang telah di-mulakan sejak awal tahun ini.

Peserta2 yang akan menyertai pertandingan akhir itu ia-lah Ak Azahari bin Pg Haji Damit, Awang Othman bin Haji Paun, Dayang Sa'adiah bte Haji Ghazali, M. Noordin, Awg Suhaili bin Haji Moktar, Dayang S. Ross, Awang Morris Lynn, Ak Yunus bin Pg Haji Ahmad dan Dayang Haslinda bte Mohd Taib.

Pertandingan kali kedua di-anjurkan oleh Radio Talivishen Brunei itu akan di-langsungkan di-Dewan Raya di-sini dan akan disiarkan sa-chara langsung melalui Radio dan Talivishen Brunei.

Johan dalam pertanding-

an itu nanti akan menerima oskar yang di-korbankan oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolikah di-samping menerima lain2 hadiah.

Johan dan naib-johan dalam pertandingan itu juga akan di-hantar untuk mewakili negeri ini ka-Pertandingan Nyanyian Amatir Asia yang akan berlangsung di-Hong Kong pada 29hb Mei depan.

Gerakan menyelidek penyakit malaria


BANDAR SERI BEGAWAN. — Kaki-tangan Projek Malaria akan meneruskan gerakan menyelidek penyakit malaria dan penyakit untut ka-Daerah Belait dalam bulan ini.

Hari ini 15hb Mach, rombongan penyelidek itu akan menjalankan penyelidekan di-Kampung Laid Lakang, pada 16hb Mach di-Kampung Singap, 18hb Mach di-Kampung Pok Babau, 20hb Mach di-Kampung Bukit Kandol, 21hb Mach di-Kampung Merangking Ulu, 22hb Mach di-Kampung Merangking Hilir, 23hb Mach di-Kam-

pong Pangkalan Siong dan 25hb Mach di-Kampung Sungai Mau.

Rombongan penyembor itu akan berada di-Kampung Bukit Udal pada 16hb hingga 20hb Mach; di-Kampung Bangugos pada 21hb Mach, di-Kampung Sungai Damit Ulu pada 22hb Mach, di-Kampung Pangkalan Doun pada 23hb Mach dan di-Kampung Ukong pada 25hb hingga 27hb Mach.


Sementara itu gerakan menyembor ubat DDT akan di-jalankan di-lima buah kampung di-Daerah Tutong.



Morris Lynn, menyandang johan dalam beberapa pertandingan nyanyian ia-itu Pertandingan Menyanyi antara Maktab2 di-Daerah Brunei/Muara, Bintang Radio 1969 dan Bintang Radio sempena penukaran nama Bandar Brunei dalam tahun 1970.



Sa'adiah Haji Ghazali, pernah menyandang naib-johan Bintang Pelajar Sa-Negeri dalam tahun 1974 dan beliau ada-lah salah sa-orang peserta dalam perengkat akhir MUTIKA 1977.



S. Ross, pernah menyandang johan Bintang Radio Brunei sempena penukaran nama Bandar Brunei dalam tahun 1970, johan nyanyian seluruh maktab2 dan sekolah seluruh negeri dan mendapat tempat ketiga dalam pertandingan Bintang Radio dalam tahun 1973.

Penuntut2 yang akan menerima sijil

BERIKUT ia-lah nama2 penuntut Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolikah yang akan menerima sijil di-upacara penyampaian sijil pada 15hb April depan.

1975-1977 COURSE A

ENGLISH MEDIUM

Dy Aminah bte Ismail, Dy Bidah bte Latam, Dy Jilina bte Tengah, Dy Kamariah bte Maidin, Dy Lim Siew Kheng, Dy Rosliyah bte Mat Safar, Dk Rukam bte Pg Othman @ Dk Jamilah, Dy Saramah bte Mail, Aw Abd Amin bin Hashim, Aw Abd Razak bin Muhammad, Aw Mohd Noh bin Bidin, Aw Ranga Anak Jamaa, Aw Samat bin Jamaah, Dy Jaayah bte Dato Hj Nordin.

1975-1977 COURSE B

MALAY MEDIUM

